

# Penduduk Taman Tanah Putih Baru yang 'hilang' pulang

Mei 9, 2021 @ 5:18pm



Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) dilaksanakan di Taman Putih Baru selama 14 hari mulai 5 Mei lalu. - Foto NSTP/Farizul Hafiz Awang

KUANTAN: Sebahagian daripada kira-kira 200 penduduk Taman Tanah Putih Baru di sini yang dikatakan meninggalkan kediaman mereka sebelum kawasan itu dikenakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan (PKPD) pada 5 Mei lalu pulang ke kediaman masing-masing.

Setiausaha Kerajaan Pahang, Datuk Seri Dr Sallehuddin Ishak, berkata setakat ini difahamkan 58 orang daripada mereka sudah pulang dan mereka juga menjalani saringan COVID-19 yang ditetapkan.

"Kita tidak tahu mengapa mereka keluar daripada rumah sejurus sebelum PKPD berkuat kuasa, namun kita harap mereka yang masih belum tampil dapat hadir menjalani saringan sehingga esok atau menghubungi polis untuk memaklumkan keberadaan mereka untuk tindakan selanjutnya.

"Mereka perlu menjalani ujian saringan supaya kluster di taman perumahan itu tamat secepat mungkin. Kejadian tidak diingini juga dibimbangi boleh berlaku jika penduduk tidak tahu status kesihatan masing-masing. Jika perlu, kita akan memanjangkan tempoh saringan asalkan mereka datang," katanya.

Sallehuddin yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri berkata demikian kepada kepada pemberita selepas meninjau proses saringan terhadap kontak rapat kluster dan individu positif di Dewan Jubli Perak Sultan Haji Ahmad Shah di sini hari ini.

Yang turut hadir Ketua Polis Daerah Kuantan Asisten Komisioner Mohamad Noor Yusof Ali.

Sementara itu, Sallehuddin berkata beberapa pasar raya diminta menghantar barang asas ke kedai dalam lokaliti PKPD di Pahang selepas difahamkan barang runcit di kedai dalam kawasan berkenaan semakin berkurangan, selain untuk membantu penduduk membuat persiapan raya.

Selain itu, kerajaan negeri juga menyalurkan bantuan termasuk makanan asas kepada penduduk dalam kawasan PKPD dan mereka yang diwajibkan menjalani kuarantin di rumah, mengikut jumlah bantuan ditetapkan sebelum ini.

Mengenai perayaan Aidilfitri, katanya penduduk Pahang terutamanya di Kuantan dinasihatkan untuk mengurangkan pergerakan sepanjang cuti panjang Aidilfitri bagi membantu membendung penularan wabak COVID-19 yang semakin meningkat kebelakangan ini.

Katanya, antara kebimbangan utama pihaknya ialah keupayaan kakitangan dan peralatan kesihatan di negeri ini menampung kenaikan pesakit secara mendadak selepas raya, jika tiada kawalan dilakukan semua pihak.

"Buat masa ini, jumlah peralatan kesihatan masih mencukupi dengan jumlah penggunaan sekitar 50 peratus. Namun ia menunjukkan trend peningkatan mendadak kerana seminggu lalu, peratusannya hanya sekitar 30 peratus. Ini disebabkan oleh kluster baharu di beberapa lokasi khususnya di Kuantan, Rompin dan Raub selain jumlah kes positif baru daerah lain juga semakin banyak," katanya.

Beliau berkata seboleh-bolehnya kerajaan negeri tidak mahu mencadangkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dilaksanakan di daerah lain selepas Kuantan, namun perkara itu memerlukan kerjasama semua masyarakat.

Seluruh Kuantan akan diletakkan di bawah PKP bermula esok hingga 23 Mei. –  
BERNAMA